



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 3

4hb Februari 2010

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 31.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

**KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI CARUMAN
KEPADA KUMPULAN WANG PERSARAAN) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Caruman kepada Kumpulan Wang Persaraan) 2010**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “syarikat” ertinya suatu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia.

Potongan

3. (1) Dalam menentukan pendapatan larasan bagi suatu syarikat daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat itu berkenaan dengan caruman yang dibuat oleh syarikat itu kepada kumpulan wang persaraan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662], berhubung dengan seorang anggota perkhidmatan awam yang telah diberi taraf berpencen dan mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipinjamkan kepada dan berkhidmat di syarikat itu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), potongan adalah dibenarkan setakat amaun caruman yang tidak melebihi sembilan belas peratus daripada gaji bulanan sebenar yang terakhir yang diterima oleh anggota perkhidmatan awam itu sebelum berkhidmat di syarikat itu.

Dibuat 25 Januari 2010

[Perb. CR (8.09) 681/2-61 (Sj. 18) Vol. 5 (Sk. 5);

LHDN01/35/(S)/42/51/231-18; PN(PU²)80/LIX]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967**INCOME TAX (DEDUCTION FOR CONTRIBUTION TO RETIREMENT FUND)
RULES 2010**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Contribution to Retirement Fund) Rules 2010**.

(2) These Rules are deemed to have effect from the year of assessment 2003 and subsequent years of assessment.

Interpretation

2. In these Rules, "company" means a company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] and resident in Malaysia.

Deduction

3. (1) In ascertaining the adjusted income of a company from its business in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction expenses incurred by that company in respect of contribution made by the company to the retirement fund established under the Retirement Fund Act 2007 [Act 662], in relation to a member of the public service who has been conferred with pensionable status and given the approval by the Public Service Department to be seconded to and serve in the company.

(2) For the purpose of subrule (1), the deduction shall be allowed to the extent of the amount of contribution not exceeding nineteen per cent of the actual last drawn monthly salary received by the member of the public service before his employment in the company.

Made 25 January 2010

[Perb. CR (8.09) 681/2-61 (Sj. 18) Vol. 5 (Sk. 5);
LHDN01/35/(S)/42/51/231-18; PN(PU²)80/LIX]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 32.**AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984****PERINTAH MESIN CETAK DAN PENERBITAN (KAWALAN HASIL
PENERBITAN TIDAK DIINGINI) (No. 3) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tidak Diingini) (No. 3) 2010**.

Larangan

2. Pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil penerbitan yang diperihalkan dalam Jadual dan yang memudaratkan kemoralan adalah dilarang secara mutlak di seluruh Malaysia.

JADUAL

<i>Tajuk Penerbitan</i>	<i>Pengarang</i>	<i>Penerbit</i>	<i>Pencetak</i>	<i>Bahasa</i>
1. 硬周刊 No. 409	—	俊嘉有限公司 香港金鐘夏慤道十八 號海富中心第一座21 樓 2104C室	飛帆印刷廠有限 公司	Cina
Hard Magazine		Chun Jia Co. Ltd., Room 2104C, 21st Floor, Block 1, Admiralty Centre, No. 18, Harcourt Road, Queensway, Hong Kong	Fei Fan Printing Factory Co. Ltd.	

Dibuat 13 Januari 2010

[KDN: PQ (S) 600-2/2(11) Jld. 1; PN(PU²)417/X]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Dalam Negeri

DATUK WIRA ABU SEMAN YUSOP
Timbalan Menteri Dalam Negeri

PRINTING PRESSES AND PUBLICATIONS ACT 1984

PRINTING PRESSES AND PUBLICATIONS (CONTROL OF UNDESIRABLE
PUBLICATIONS) (No. 3) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 7(1) of the Printing Presses and Publications Act 1984 [*Act 301*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Printing Presses and Publications (Control of Undesirable Publications) (No. 3) Order 2010**.

Prohibition

2. The printing, importation, production, reproduction, publishing, sale, issue, circulation, distribution or possession of the publication which is described in the Schedule and which is prejudicial to morality is absolutely prohibited throughout Malaysia.

SCHEDULE

<i>Title of Publication</i>	<i>Author</i>	<i>Publisher</i>	<i>Printer</i>	<i>Language</i>
1. 硬周刊 No. 409	—	俊嘉有限公司 香港金鐘夏愨道十八 號海富中心第一座21 樓 2104C室	飛帆印刷廠有限 公司	Chinese
Hard Magazine		Chun Jia Co. Ltd., Room 2104C, 21st Floor, Block 1, Admiralty Centre, No. 18, Harcourt Road, Queensway, Hong Kong	Fei Fan Printing Factory Co. Ltd.	

Made 13 January 2010

[KDN: PQ (S) 600-2/2(11) Jld. 1; PN(PU²)417/X]

On behalf and in the name of the Minister of Home Affairs

DATUK WIRA ABU SEMAN YUSOP
Deputy Minister of Home Affairs

P.U. (A) 33.

AKTA OPTIK 1991

PERINTAH OPTIK (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41 Akta Optik 1991 [Akta 469], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Optik Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2010.**

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua Akta Optik 1991 dipinda berkenaan dengan negeri Malaysia dengan memasukkan selepas butiran “Universiti Islam Antarabangsa Malaysia” dan butiran yang berhubung dengannya butiran yang berikut:

*Nama Yayasan yang
memberi kelulusan*

Perihal Kelulusan

“Kolej Universiti Teknologi
Antarabangsa Twintech

Sarjana Muda Optometri
(Kepujian)”.

Dibuat 10 Disember 2009

[KKM 87/A7/1/9(53); PN(PU²)503/III]

DATO’ SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

OPTICAL ACT 1991

OPTICAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by section 41 of the Optical Act 1991 [Act 469], the Minister, after consulting the Malaysian Optical Council, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Optical (Amendment of Second Schedule) Order 2010**.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule of the Optical Act 1991 is amended in respect of country of Malaysia by inserting after the item “International Islamic University of Malaysia” and the item relating to it the following item:

<i>Name of Institution granting qualification</i>	<i>Description of qualification</i>
“International University College of Technology Twintech	Bachelor of Optometry (Honours)”.

Made 10 December 2009
[KKM 87/A7/1/9(53); PN(PU²)503/III]

DATO’ SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health

P.U. (A) 34.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2010**.

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 Februari 2010.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 [*P.U. (A) 86/2008*] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subsubperenggan 3(2)(a) dengan menggantikan subsubsubperenggan (i) dengan subsubsubperenggan yang berikut:

“(i) Zon Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;”.

Pindaan perenggan 4

3. Perintah ibu dipinda dalam subsubperenggan 4(2)(d) dengan menggantikan subsubsubperenggan (i) dengan subsubsubperenggan yang berikut:

“(i) Zon Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;”.

Dibuat 21 Januari 2010

[5 Sulit KE. HT(96) 966/01 Sk. 13; Perb. (C) 0.217/1 (Sj. 2) (Sk. 2); PN(PU²)338c/XIII]

DATO’ SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CUSTOMS ACT 1967**CUSTOMS (PROHIBITION OF IMPORTS) (AMENDMENT) ORDER 2010**

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as **Customs (Prohibition of Imports) (Amendment) Order 2010**.

(2) This Order comes into operation on 4 February 2010.

Amendment of paragraph 3

2. The Customs (Prohibition of Imports) Order 2008 [*P.U. (A) 86/2008*] which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in subsubparagraph 3(2)(a) by substituting for subsubsubparagraph (i) the following subsubsubparagraph:

“(i) Pasir Gudang Port Free Zone, Mukim of Plentong, District of Johor Bahru, Johor;”.

Amendment of paragraph 4

3. The principal Order is amended in subsubparagraph 4(2)(d) by substituting for subsubsubparagraph (i) the following subsubsubparagraph:

“(i) Pasir Gudang Port Free Zone, Mukim of Plentong, District of Johor Bahru, Johor;”.

Made 21 January 2010

[5 Sulit KE. HT(96) 966/01 Sk. 13; Perb. (C) 0.217/1 (Sj. 2) (Sk. 2);
PN(PU²)338C/XIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA